

6 FEB 1996

UMNO - Larian

PEMUDA UMNO ANJUR LARIAN SAMBUT ULANG TAHUN UMNO

KOTA KINABALU, 6 Feb (Bernama) -- Pemuda Umno Malaysia akan menganjurkan larian maraton pada bulan Mei sempena sambutan ulang tahun ke-50 penubuhan Umno, kata Ketuanya, Tan Sri Rahim Thamby Chik.

Katanya larian itu akan bermula dari empat penjuru negara di Perlis, Kelantan, Johor dan Sabah serta berakhir pada 10 Mei di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan berada di Dataran Merdeka untuk menerima obor daripada peserta terakhir larian itu, yang menjadi lambang dan manifestasi jiwa kental dan jatidiri Pemuda Umno Malaysia dalam mengharungi pelbagai liku perjuangan.

Satu mesyuarat akan diadakan pada Ahad ini bagi membincang lebih lanjut larian itu terutama penentuan jumlah peserta dan tarikh mula, katanya dalam pertemuan dengan Pemuda Umno Sabah selepas majlis terawih malam tadi.

Bagi Sabah, larian akan bermula dari Sandakan menuju ke Kota Kinabalu sepanjang lebih 300 km dan diteruskan perjalanan melalui pesawat Penerbangan Malaysia hingga ke lapangan terbang antarabangsa Subang dan diteruskan hingga ke Dataran Merdeka untuk menyertai peserta Pemuda Umno dari negeri-negeri lain.

Dalam ucapan kira-kira sejam itu dengan suara yang parau dan serak kerana diserang demam selsema, Rahim juga menghurai beberapa kegiatan cadangan lain Pemuda Umno.

Beliau juga menceritakan saat-saat getir semasa menghadapi isu peribadi yang melanda dirinya dan sebab beliau terpaksa meletak jawatan dan memegangnya semula setelah isu itu dapat diselesaikan.

Timbalan Pemuda Umno Malaysia, Datuk Nazri Aziz, yang mengiringi Rahim juga berucap pada majlis itu lebih sejam dengan menghurai pendiriannya berhubung isu penyerahan balik jawatan itu kepada Rahim meskipun tindakannya itu ditentang oleh beberapa pergerakan Pemuda Umno negeri termasuk Sabah.

Bagaimanapun beliau beberapa kali meminta wartawan yang membuat liputan itu supaya jangan menulis berita mengenai ucapannya.

Sebelum itu, Rahim yang turut diiringi beberapa exco Pemuda Umno dan Ketua Pergerakan Pemuda Umno Negeri turut berbuka puasa bersama-sama rakan mereka di negeri ini.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Yahya Hussin, yang juga setiausaha Perhubungan Umno Sabah, bagi mewakili Ketua Menteri, Datuk Salleh Said Keruak, dan Ketua Pemuda Umno Sabah, Datuk Shafie Apdal, yang juga Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan. -- BERNAMA